# BUDAYA KERJA KONTRAKTOR BUMIPUTERA

NOR AZURA BINTI SHOIB

Laporan Projek ini Dikemukakan Sebagai
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

2006/2007

# ABSTRAK

Kontraktor Bumiputera sering dikaitkan dengan pelbagai masalah. Banyak kajian yang dijalankan mendapati kontraktor Bumiputera menghadapi masalah dari segi kewangan, pengurusan dan kurang kemahiran teknikal. Beberapa kajian telah dijalankan tentang masalah ini, tetapi tiada kajian dijalankan berkenaan budaya kerja kontraktor Bumiputera. Budaya kerja cemerlang juga merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Oleh itu, sangat wajar satu kajian dijalankan bagi mengenalpasti budaya kerja kontraktor bumiputera. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti budaya kerja kontraktor Bumiputera Kelas A, B dan C di negeri Johor. Kajian ini menggunakan kaedah temubual berstruktur dan analisis dokumen bagi memperolehi data. Analisis data dijalankan menggunakan pendekatan statistik huraian. Kajian ini mendapati 42% daripada responden pihak klien dan 58% daripada responden pihak kontraktor berpendapat kontraktor adalah baik dalam mengamalkan budaya kerja. Secara keseluruhannya, kedua-dua kategori responden berpendapat kontraktor adalah baik dalam mengamalkan budaya kerja yang disenaraikan oleh penulis. Oleh itu, kontraktor harus memperbaiki budaya kerja yang diamalkan supaya berada pada tahap sangat baik.

# ABSTRACT

Bumiputera contractors have always associated with many problems and issues. There number of studies and research on these issues but none has actually touch on their work culture. Excellent work culture has been said to be one of the factor contributing to the success of an organisation. Therefore it is most appropriate to study the work culture of the Bumiputera contractors. The objective of this study is to determine the work culture of Bumiputera contractors class A, B and C in Johor . Structured interview and documentation analysis had been carried out to collect data. Descriptive analysis method had been used to analyse the data. The results show that 42% of the respondents from the side of the client and 58% of the respondent on the side of the contractor agree that Bumiputera's contractor are good in practicing a work culture. Bumiputera contractors must improve their work culture to achieve a very good level